

MENETAPKAN PIAWAIAN

# KOD ETIKA DAN TATA AMALAN PERNIAGAAN

Lakukan Perkara Betul

Hormati Orang Lain

Berprestasi Cemerlang

LOCKHEED MARTIN 

## **MENETAPKAN PIAWAIAN**

*Dikemas kini September 2020*

Memegang tablet pada kulit hadapan adalah Paul Williams, penerima Anugerah Etika Lockheed Martin NOVA 2019.

### **Lockheed Martin Corporation**

6801 Rockledge Drive  
Bethesda, MD 20817

*©1995-2020. Lockheed Martin Corporation. Hak cipta terpelihara.*

Di samping Bahasa Inggeris, buku kecil ini diterbitkan dalam bahasa berikut: Bahasa Arab, Bahasa Cina (Ringkas), Bahasa Cina (Tradisional), Bahasa Perancis, Bahasa Jerman, Bahasa Hebrew, Bahasa Indonesia, Bahasa Jepun, Bahasa Korea, Bahasa Melayu, Bahasa Poland, Bahasa Romania, Bahasa Sepanyol dan Bahasa Turki

*Nota: Versi paling terkini dokumen ini tersedia dalam talian melalui rangkaian dalaman Lockheed Martin Corporation dan secara luaran di <http://www.lockheedmartin.com/us/who-we-are/ethics/code-of-ethics.html>. Versi dalam talian menyediakan bahan rujukan terkini yang diperbaharui, termasuk Pernyataan Dasar Korporat dan Prosedur Silang Fungsian .*

# Isi Kandungan



## **PENGENALAN**

Mesej daripada Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif kita .... i	
Nilai-nilai Kita .....	1



## **KITA MEMIMPIN DENGAN INTEGRITI**

Kita Mendukung Kod .....	3
Kita Melaporkan Pelanggaran .....	4
Kita Menyertai Latihan .....	5
Kita Mengambil Tindakan .....	6




## **Kita MENGHORMATI ORANG LAIN**

Kita Tidak Bertoleransi terhadap Gangguan.....	8
Kita Tidak Bertoleransi terhadap Diskriminasi .....	9
Kita Tidak Bertoleransi terhadap Tindakan Balas.....	10
Kita Menghormati Privasi .....	11



## **KITA MEMPERSEMBAHKAN KEBERTANGGUNGJAWAPAN**

Kita Menggunakan Aset Dengan Bertanggungjawab.....	13
Kita Menyimpan Rekod Perniagaan yang Tepat dan Berkomunikasi dengan Tepat kepada Orang Awam.....	14
Kita Melindungi Maklumat Sensitif dan Sulit.....	15
Kita Mengenakan Caj Buruh dan Kos Lain dengan Tepat.....	16
Kita Mengelakkan Konflik Kepentingan Individu .....	17
Kita Mengelakkan Konflik Kepentingan dengan Pekerja Kerajaan .....	18
Kita Mengelakkan Konflik Kepentingan Organisasi.....	19
Kita Tidak Melibatkan Diri dalam Perdagangan Orang Dalam .....	20
Kita Menggunakan Kecerdasan Buatan Dengan Bertanggungjawab .....	21



## **KITA MENJALANKAN PERNIAGAAN SECARA SAKSAMA**

Kita Menghargai Persaingan yang Adil .....	23
Kita Hormati Garis Panduan Perdagangan.....	24
Kita Bertanggungjawab terhadap Tindakan Pihak Ketiga.....	25
Kita Tidak Bertoleransi terhadap Rasuah dan Sogokan.....	26
Kita Mematuhi Sepenuhnya semua Undang-Undang Anti-trust.....	27
Kita Hanya Menerima dan Memberikan Layanan Perniagaan yang Sewajarnya Sahaja.....	28



## **KITA PRIHATIN TERHADAP PERSEKITARAN KERJA KITA**

Kita Mengekalkan Persekitaran Kerja yang Selamat dan Sihat .....	30
Kita Mengekalkan Tempat Kerja yang Bebas Dadah.....	31
Kita Komited terhadap Keselamatan .....	32



## **KITA MENDORONG KEWARGANEGARAAN KORPORAT YANG BAIK**

Kita Komited pada Kelestarian dan Kewarganegaraan Korporat yang Bertanggungjawab.....	34
Kita Menghormati Hak Asasi Manusia .....	35
Kita Menyokong Proses Politik .....	36
PENERIMAAN DAN PENGIKTIRAFAN .....	37



Di Lockheed Martin, kita percaya dalam menghayati nilai teras kita untuk Lakukan Perkara Betul, Hormati Orang Lain, dan Berprestasi Cemerlang. Ini bermakna mengekalkan piawaian tertinggi bagi tata amalan perniagaan beretika di seluruh syarikat kita.

Nilai kita berfungsi sebagai bintang utara kita, membolehkan kita mengekalkan kecemerlangan operasi dan memupuk inovasi. Oleh itu saya menggalakkan setiap pekerja untuk membaca – untuk memahami – dan untuk mendukung Kod Etika dan Tata Amalan Perniagaan kita, juga dikenali sebagai *“Menetapkan Piawaian.”*

Kod ini menghubungkan nilai bersama kita, piawaian kita yang tidak goyah, dan dasar yang kita miliki untuk membimbing para pemimpin, pasukan, dan tindakan kita setiap hari. Itulah sebabnya Kod kita menyatakan dengan jelas dasar toleransi sifar terhadap gangguan, diskriminasi dan rasuah.

Kod ini juga menerangkan jangkaan di tempat kerja dan masa-masa kita bertindak bagi pihak syarikat. Salah satu cara terpenting untuk menunjukkan komitmen kita terhadap nilai bersama ini adalah dengan mendorong anda untuk mengambil tindakan sekiranya anda melihat tingkah laku yang tidak sesuai dengan piawaian dan jangkaan Lockheed Martin. Dan jika anda menyaksikan pelanggaran terhadap dasar atau undang-undang, anda mempunyai kewajiban untuk melaporkan perkara itu.

Kita tahu untuk bersuara bukan sesuatu yang mudah. Walau bagaimanapun, tidak kira apa peranan atau jawatan, anda boleh melangkah ke hadapan tanpa rasa takut atas tindakan balas.

Terima kasih di atas komitmen anda mendukung piawaian etika yang tinggi yang membimbing syarikat kita dan mengekalkan kejayaan kita untuk tahun-tahun akan datang. Dengan bekerja sebagai Satu Lockheed Martin, bersama-sama kita boleh memastikan etika dan integriti kita tidak dikompromi.

Jim Taiclet, Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif









# Nilai-nilai Kita

Lockheed Martin menetapkan piawaian untuk integriti bagi setiap perkara yang kita lakukan. Kita menuntut amalan berintegriti ini daripada diri kita sendiri sama seperti orang lain, termasuk pihak berkepentingan dan pelanggan kita, mengharapkan ini daripada kita.

## Dasar Utama

- CPS-001 Etika dan Amalan Perniagaan



	<b>Kita Memimpin Dengan Integriti</b>
	<b>Kita Menghormati Orang Lain</b>
	<b>Kita Mempersembahkan Kebertanggungjawapan</b>
	<b>Kita Menjalankan Perniagaan Secara Saksama</b>
	<b>Kita Prihatin terhadap Persekitaran Kerja kita</b>
	<b>Kita Mendorong Kewarganegaraan Korporat Yang Baik</b>

# KITA MEMIMPIN DENGAN INTEGRITI

Kejujuran dan integriti melahirkan kepercayaan, yang merupakan tonggak perniagaan kita.

- Kita Mendukung Kod
- Kita Melaporkan Pelanggaran
- Kita Menyertai Latihan
- Kita Mengambil Tindakan





# Kita Mendukung Kod

## KITA MENETAPKAN PIAWAIAN

- Kod kita menetapkan prinsip yang dengannya kita mengekalkan komitmen kita terhadap amalan perniagaan beretika, yang sering melangkaui kehendak undang-undang.
- Kod ini terpakai kepada semua pekerja Lockheed Martin, ahli Lembaga Pengarah, perunding, tenaga buruh kontrak dan ejen lain yang mewakili atau bertindak bagi pihak Syarikat kita.\*
- Kita mematuhi undang-undang yang tersurat dan tersirat serta peraturan yang mentadbir perniagaan kita dan negara-negara di mana kita beroperasi.
- Kita tidak mengambil tindakan yang menyalahi undang-undang atau tidak beretika, walaupun ia kelihatan menguntungkan Syarikat atau diarahkan oleh pihak atasan dalam organisasi.
- Kita bekerjasama dalam **penyiasatan** berkaitan dengan pelanggaran Kod atau dasar kita.

\* Sebarang **pengecualian** terhadap Kod untuk pegawai eksekutif atau anggota Lembaga Pengarah hanya boleh dibuat oleh Lembaga Pengarah atau jawatankuasa Lembaga dan mesti segera didedahkan kepada pemegang saham kita di laman web kita.

**Penyiasatan:** Anda perlu memaklumkan kepada Jabatan Undang-Undang, Pejabat Etika atau Keselamatan jika anda mengetahui bahawa terdapat agensi kerajaan atau mana-mana pihak ketiga yang menjalankan penyiasatan atau meminta maklumat tentang pelanggaran undang-undang yang disyaki. Kita jangan sesekali menghapuskan atau mengubah dokumen atau rekod elektronik, berbohong atau memperdayakan penyiasat atau menghalang pengumpulan maklumat yang berkaitan dengan penyiasatan atau tindakan undang-undang yang diambil bagi pihak, atau terhadap, Syarikat. Sebaik mana yang mungkin, kita akan bekerjasama dengan agensi kerajaan yang bertanggungjawab untuk menyalahkan pelanggaran undang-undang yang disyaki. Jika diminta oleh Lockheed Martin, kita juga akan bekerjasama dengan penyiasatan yang dilakukan oleh mana-mana kerajaan.

## Kenapa Ia Penting

- Mengekalkan kepercayaan pekerja, pelanggan dan pihak berkepentingan kita adalah penting untuk memastikan kejayaan yang mapan.

## Apakah yang Perlu Diperhatikan

- Pelanggaran terhadap Kod boleh menyebabkan tindakan disiplin sehingga dan termasuk diberhentikan.
- Ketua bertanggungjawab ke atas tindakan yang boleh mempengaruhi pekerja untuk melanggar Kod kita.

## Dasar Utama

- CPS-001 Etika dan Amalan Perniagaan
- CPS-718 Pendedahan kepada Kerajaan Amerika Syarikat
- CRX-021 Penyiasatan Dalaman



## Panduan untuk Ketua apabila didekati dengan Soalan atau Kebimbangan:

- Mengucapkan terima kasih kepada pekerja kerana tampil ke hadapan
- Mendengar dengan teliti
- Meminta penjelasan dan maklumat tambahan untuk memahami sepenuhnya kebimbangan tersebut
- Menjawab sebarang soalan yang anda boleh, tetapi dapatkan bantuan sekiranya perlu sebelum memberikan jawapan anda
- Anda tidak perlu memberikan jawapan dengan serta-merta, tetapi perlu membuat susulan dengan pekerja seberapa segera
- Laporkan sebarang pelanggaran yang mungkin terjadi supaya ia boleh disiasat

**Pengecualian:** Ini menghalang pengecualian Kod daripada disembunyikan dari umum dan mematuhi syarat Bursa Saham New York (NYSE) dan peraturan serupa di bawah Suruhanjaya

Sekuriti dan Bursa serta Akta Sarbanes-Oxley tahun 2002.

# Kita Melaporkan Pelanggaran

## KITA MENETAPKAN PIAWAIAN

- Kita mengambil tindakan pantas untuk **melaporkan** pelanggaran terhadap Kod, dasar atau peruntukan kontrak.

## Kenapa Ia Penting

- Sesiapa juga antara kita mungkin satu-satunya orang yang melihat atau mengesyaki kemungkinan pelanggaran. Jika kita tidak melaporkannya, siapa lagi?
- Laporan yang tepat pada masanya mungkin membolehkan isu diselesaikan sebelum ia menjadi isu yang lebih besar.

## Apakah yang Perlu Diperhatikan

- Kegagalan untuk melaporkan boleh dengan sendirinya menjadi satu pelanggaran terhadap Kod ini.

## Dasar Utama

- CRX-021 Penyiasatan Dalaman

**Laporan:** Jika anda mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa terdapat tingkah laku yang boleh dipersoalkan atau dilarang, anda mesti menghubungi penyelia anda, pengurus, Rakan Niaga Sumber Manusia, Pegawai Etika, Keselamatan, Kepelbagaian dan Penyertaan Global atau Penyiasatan EEO.

**Jawatankuasa Audit:** Pekerja boleh menyampaikan kebimbangan tentang hal-hal perakaunan, kawalan atau audit dalaman dan penyerahan sulit atau tanpa nama bagi hal-hal perakaunan atau audit yang boleh dipersoalkan kepada Jawatankuasa Audit Lembaga Pengarah Lockheed Martin. Jika anda ingin mengemukakan kebimbangan kepada Jawatankuasa Audit, anda boleh melakukan demikian dengan menghubungi Corporate Ethics Office dan kebimbangan anda akan disampaikan kepada Pengerusi Jawatankuasa Audit Lembaga.

1-800-LM ETHIC (1-800-563-8442)

Untuk Orang yang Bermasalah  
Pendengaran atau Pertuturan:  
1-800-441-7457

Antarabangsa: apabila memanggil dari  
luar A.S., dail kod keluar negara asal  
dahulu

E-mel:

[corporate.ethics@lmco.com](mailto:corporate.ethics@lmco.com)

Mel:

Corporate Ethics Office  
Lockheed Martin Corporation  
6801 Rockledge Drive  
Bethesda, MD 20817



**Anda boleh melaporkan pelanggaran yang disyaki atau tindak tanduk yang boleh dipersoalkan kepada:**

- Penyelia anda • Sumber Manusia • Pejabat Etika • Jabatan Perundangan • Keselamatan
- Penyiasatan EEO • Persekitaran, Keselamatan dan Kesihatan
- Kepelbagaian dan Penyertaan Global • Audit Dalaman • [Jawatankuasa Audit](#)

Dan anda boleh menghubungi Pejabat Etika untuk mendapatkan panduan terhadap sebarang isu di tempat kerja. Anda akan menerima maklumat dan sumber untuk membantu menangani kebimbangan anda.



# Kita Menyertai Latihan

## KITA MENETAPKAN PIAWAIAN

- Kita belajar untuk menerapkan nilai-nilai kita melalui perbincangan tentang senario kehidupan sebenar berdasarkan pelanggaran di tempat kerja.
- Kita melengkapkan semua latihan yang diperlukan mengikut tarikh yang ditentukan, termasuk latihan pematuhan dan Latihan Kesedaran Etika tahunan.

## Kenapa Ia Penting

- Latihan menyediakan kita untuk mengenal pasti dan bertindak balas terhadap situasi yang memerlukan kita membuat keputusan beretika secara berkesan.
- Latihan menangani akibat pelanggaran pematuhan kepada Lockheed Martin dan pekerja individu.
- Latihan membantu memperbaiki kefahaman kita terhadap tajuk dalam Kod ini dan penerapannya dalam amalan kita.

## Apakah yang Perlu Diperhatikan

- Pastikan anda melengkapkan latihan yang diperlukan pada masanya.

## Dasar Utama

- CPS-001 Etika dan Amalan Perniagaan



**Etika adalah mengetahui perbezaan antara hak anda melakukan sesuatu dan lakukan sesuatu perkara yang betul.”**

*Justice Potter Stewart*



# Kita Mengambil Tindakan

## KITA MENETAPKAN PIAWAIAN

- Kita bertindak dengan penuh integriti, bertanya soalan sukar dan memahami bagaimana kata-kata dan tindakan kita mempengaruhi rakan sekerja dan Syarikat.
- Kita mengambil tindakan untuk menangani percanggahan nilai dan pelanggaran undang-undang atau dasar yang mungkin apabila ia muncul.
- Kita menggalakkan satu sama lain untuk bersuara kepada pihak kepimpinan atau personel lain yang sesuai apabila berada dalam keraguan tentang tindakan terbaik yang perlu diambil.
- Kita menggunakan teknik Menyuarakan Nilai Kita untuk mengamalkan nilai kita.

## Kenapa Ia Penting

- Untuk Syarikat mengekalkan tahap integriti organisasi yang tinggi, setiap daripada kita mesti bersedia untuk mengambil tindakan
- Cabaran terhadap nilai kita mungkin kejadian yang biasa dalam persekitaran kerja, tetapi ia mesti diselesaikan.

## Apakah yang Perlu Diperhatikan

- Tanda amaran membantu kita mengenal pasti dan membetulkan masalah yang berpotensi sebelum ia menjadi isu yang lebih besar.
- Andaian dan kesimpulan boleh mempengaruhi ketidakberpihakan kita dan menghalang pembuatan keputusan yang beretika.

## Dasar Utama

- CPS-001 Etika dan Amalan Perniagaan
- CPS-718 Pendedahan kepada Kerajaan Amerika Syarikat
- CRX-021 Penyiasatan Dalaman

# Menyuarakan Teknik Bernilai Kita



## BERTANYAKAN SOALAN

### Periksa Motivasi Anda

- Mengapa saya rasa yang saya betul?
- Soalan bagaimanakah yang perlu saya tanyakan, dan kepada siapa?
- Apakah tentang keadaan ini yang mengganggu saya?
- Adakah saya bertanya soalan untuk mendapatkan maklumat, atau untuk menegaskan pandangan saya?



## MEMPEROLEH DATA

### Semak Fakta Anda

- Adakah saya mempunyai semua maklumat berkaitan yang diperlukan?
- Bolehkah saya terus membuat kesimpulan?
- Data apakah yang akan paling memberi kesan kepada kumpulan yang saya tujukan?
- Bagaimana saya boleh tahu apakah fakta objektif dan apakah andaian subjektif?



## BERCAKAP DENGAN ORANG LAIN

### Keluarkan Apa Yang Ada Dalam Fikiran Anda

- Dengan siapa saya boleh bercakap tentang apa yang saya alami?
- Bagaimana saya boleh mengamalkan pendekatan saya?
- Apakah tentangan yang saya mungkin hadapi dan bagaimana saya harus memberikan tindak balas yang terbaik?



## MERANGKA SEMULA ISU

### Melihat Gambaran Yang Lebih Meluas

- Apakah perkara yang kita boleh sama-sama persetujui?
- Apakah pendekatan yang akan membawa hasil terbaik kepada semua pihak?

# KITA MENGHORMATI ORANG LAIN

Menghormati orang lain adalah unsur penting bagi semua hubungan perniagaan yang positif dan produktif.

- Kita Tidak Bertoleransi terhadap Gangguan
- Kita Tidak Bertoleransi terhadap Diskriminasi
- Kita Tidak Bertoleransi terhadap Tindakan Balas
- Kita Menghormati Privasi





# Kita Tidak Bertoleransi terhadap Gangguan

## KITA MENETAPKAN PIAWAIAN

- Lockheed Martin melarang tingkah laku lisan atau fizikal yang menyinggung perasaan, menyalahgunakan, mengugut, menyeksa, menghina atau mengancam orang lain.
- Kita komited untuk menjaga persekitaran kerja yang bebas daripada gangguan fizikal, psikologi, dan secara lisan atau tingkah laku kesat yang lain.

## Kenapa Ia Penting

- Kejayaan kita bergantung kepada bakat, kemahiran dan kepakaran kita serta kemampuan kita untuk berfungsi sebagai pasukan bersepadu yang erat.
- Sasaran serta saksi gangguan mungkin berusaha keras untuk memberikan sumbangan mereka sepenuhnya.

## Apakah yang Perlu Diperhatikan

- Contoh perlakuan yang dilarang termasuk menyentuh, menyerang, menghalang atau menyekat pergerakan yang tidak diingini; mengakses, menghantar, atau memaparkan mesej, imej, atau kartun yang menyinggung perasaan; membuat atau menggunakan ulasan, julukan, penghinaan, jenaka, atau objek yang menghina; dan gangguan seksual dalam sebarang bentuk.
- Anda perlu berhati-hati dalam setiap tingkah laku dan menyedari bahawa tindakan, kata-kata dan perbuatan anda mungkin mempengaruhi orang lain.
- Gangguan boleh terjadi dalam semua bentuk komunikasi elektronik, dalam alat kolaborasi dalam talian, dan di luar tempat kerja.



- Dasar kita terpakai untuk sebarang komunikasi luaran yang mungkin berkait dengan Lockheed Martin. Dasar-dasar ini juga mentadbir tindak tanduk di tempat di mana kita sebagai pekerja Lockheed Martin melakukan kerja, serta situasi di luar premis yang berkaitan dengan kerja.

## Dasar Utama

- CPS-003 Tanpa Diskriminasi dan Peluang Pekerjaan Saksama
- CPS-564 Tempat Kerja yang Bebas Gangguan
- CPS-734 Membasmi Pemerdagangan Manusia
- CRX-053 Keselamatan Tempat Kerja - Mengekalkan Tempat Kerja yang Selamat dan Penuh Rasa Hormat yang Bebas daripada Ancaman dan Keganasan

## CONTOH GANGGUAN SEKSUAL TERMASUK:

- pujukan seksual yang tidak diingini, termasuk secara lisan pujukan dan ajakan seksual
- menawarkan manfaat pekerjaan sebagai pertukaran untuk layanan seksual
- membuat atau mengancam tindakan balas selepas menerima tindak balas negatif terhadap pujukan seksual
- pandangan berniat jahat, membuat isyarat seksual
- memaparkan objek atau gambar, kartun, atau poster yang berunsur lucah atau seksual
- menggunakan istilah kasih sayang yang tidak wajar
- penyalahgunaan lisan yang bersifat seksual
- ulasan lisan grafik tentang badan seseorang
- kata-kata penghinaan seksual yang digunakan untuk menggambarkan seseorang
- surat, catatan, atau jemputan yang tidak senonoh atau lucah



● **Di Lockheed Martin, tidak ada sesiapa pun dianggap sebagai pemerhati yang tidak terlibat.** ●

# Kita Tidak Bertoleransi terhadap Diskriminasi

## KITA MENETAPKAN PIAWAIAN

- Kita tidak mendiskriminasi pekerja atau pemohon berdasarkan ciri-ciri yang dilindungi oleh undang-undang yang terpakai atau dasar Lockheed Martin.
- Kita mematuhi semua dasar dan undang-undang yang berkaitan dengan pengambilan, pemilihan, dan aspek pekerjaan lain seperti kenaikan pangkat, penurunan pangkat, pemindahan, pembuangan kerja, pemberhentian, pampasan, pendidikan, latihan dan tindakan disiplin.

## Kenapa Ia Penting


- Apabila kepelbagaian bakat dan perspektif semua pekerja dikumpul dan dimanfaatkan sepenuhnya, kita menjana penyelesaian inovatif dan nilai yang tiada tandingan untuk pelanggan kita. Ini tidak akan berlaku sekiranya terdapat individu dikecualikan hanya berdasarkan siapa mereka.

## Apakah yang Perlu Diperhatikan

Stereotaip yang berterusan adalah bentuk diskriminasi yang boleh merosakkan budaya dan prestasi Syarikat.

## Dasar Utama

- CPS-003 Tanpa Diskriminasi dan Peluang Pekerja Saksama
- CPS-564 Tempat Kerja yang Bebas Gangguan
- CPS-734 Membasmi Pemerdagangan Manusia
- CRX-515 Kumpulan Sumber Perniagaan dan Rangkaian Pekerja
- CRX-537 Cuti Angkatan Tentera



**CIRI-CIRI DILINDUNGI** *(Layari laman web Kepelbagaian dan Penyertaan Global dalaman untuk takrifan semasa)*

Bangsa

Etnik

Agama

Warna Kulit

Jantina

Kehamilan

Umur

Status  
Veteran

Keturunan

Orientasi  
SeksualPengenalan  
atau  
Penyataan  
JantinaStatus  
PerkahwinanStruktur  
KeluargaMaklumat  
GenetikKecacatan  
Mental atau  
FizikalCiri-ciri  
Dilindungi  
Secara Sah  
Yang Lain

# Kita Tidak Bertoleransi terhadap Tindakan Balas

## KITA MENETAPKAN PIAWAIAN

Lockheed Martin tidak bertolak ansur dengan tindakan balas terhadap sesiapa yang, dengan ikhlas, membuat siasatan, terlibat dalam penyiasatan atau melaporkan salah laku.

### Kenapa Ia Penting

- Ketakutan terhadap tindakan balas adalah salah satu sebab yang paling biasa mengapa pekerja tidak bersuara atau mengambil tindakan.
- Tindakan balas memusnahkan kepercayaan.

### Apakah yang Perlu Diperhatikan

- Jika seseorang cuba menahan anda daripada melaporkan sesuatu isu, orang itu boleh dikenakan tindakan disiplin sehingga dan termasuk diberhentikan.
- Tindakan balas boleh dilakukan secara halus, seperti perubahan dalam penugasan kerja atau berlaku dalam interaksi yang berkaitan dengan pekerjaan (cth., waktu rehat atau makan tengah hari). Anda **dilindungi** secara sah daripada tindakan balas kerana membuat laporan terhadap penipuan, pembaziran atau penyalahgunaan program kerajaan.

### Dasar Utama

- CPS-001 Etika dan Amalan Perniagaan
- CPS-003 Tanpa Diskriminasi dan Peluang Pekerjaan Saksama
- CPS-564 Tempat Kerja yang Bebas Gangguan
- CPS-575 Penyediaan Penempatan yang Sesuai di Tempat Kerja dan untuk Pemohon Pekerjaan

“Keindahan potensi kehidupan manusia berterusan diburukkan oleh tindakan balas berulang manusia.”

*Martin Luther King, Jr.*

Adakah anda tahu?

Menghubungi Pejabat Etika dengan "Keikhlasan" tidak bermaksud anda harus benar, tetapi itu bermaksud anda percaya bahawa maklumat yang diberikan adalah benar.



**Dilindungi:** Undang-undang A.S. juga memberikan hak dan perlindungan tertentu kepada setiap pekerja Lockheed Martin terhadap tindakan balas jika pekerja tersebut mendedahkan kepada pegawai kerajaan tertentu atau Jabatan Perundangan atau Pejabat Etika maklumat yang pekerja itu percaya secara munasabah iaitu bukti pembaziran melampau, salah pengurusan, penyalahgunaan kuasa atau pelanggaran undang-undang berkaitan dengan kontrak, geran atau dana kerajaan A.S.; atau bukti tentang bahaya besar dan yang tertentu kepada kesihatan dan keselamatan orang ramai.

Tindakan Balas ialah layanan yang tidak adil atau tidak wajar terhadap pekerja yang melaporkan salah laku, memfailkan aduan, membantu pihak lain membuat aduan, mengambil bahagian dalam penyiasatan dalaman, atau membuat penyelidikan berkenaan etika.



# Kita Menghormati Privasi

## KITA MENETAPKAN PIAWAIAN

- Kita tidak mengakses Maklumat Peribadi / Data Peribadi melainkan untuk tujuan perniagaan yang sah dan mendapat kebenaran terlebih dahulu.
- Kita menghormati privasi dan maruah semua individu dan melindungi kerahsiaan rekod dan maklumat pekerja.
- Kita hanya menghantar keluar Maklumat Peribadi / Data Peribadi menggunakan e-mel dan kaedah pemindahan fail yang selamat yang dipraktikkan.

## Kenapa Ia Penting

- Menghormati privasi menjaga kepercayaan di kalangan pekerja dan pelanggan.

## Apakah yang Perlu Diperhatikan

- Perlindungan privasi berbeza antara negara dengan negara yang lain.
- Pastikan menggunakan petunjuk Maklumat Peribadi / Data Peribadi yang sesuai di baris subjek mesej e-mel.
- Pastikan anda tidak berkongsi Maklumat Peribadi / Data Peribadi di media sosial atau ruang kerja kolaboratif.
- Data yang didedahkan kepada pihak ketiga hendaklah terhad kepada hanya maklumat yang perlu untuk mengisi perjanjian kontrak.

## Dasar Utama

- CRX-015 Perlindungan Maklumat Sensitif
- CRX-016 Privasi - Amerika Syarikat
- CRX-017 Perlindungan Data Peribadi - Bukan A.S.

## MAKLUMAT PERIBADI

Di Amerika Syarikat, maklumat peribadi ialah sebarang data atau maklumat yang secara khusus mengenal pasti seseorang.

*Contohnya termasuk pengenalan yang dikeluarkan oleh kerajaan dan maklumat kewangan, perubatan, kesihatan, demografi atau kontak peribadi.*

## DATA PERIBADI

Di luar A.S., data peribadi ialah sebarang maklumat berkaitan subjek yang dikenal pasti atau data yang boleh dikenal pasti.

*Subjek data adalah sesiapa sahaja (termasuk tetapi tidak terhad kepada pekerja, pembekal, pelanggan, atau orang lain di Lockheed Martin) yang berada di negara selain A.S. tanpa mengira kewarganegaraan mereka, sebab berada di luar A.S., atau tempoh masa tinggal disana.*



# KITA MEMPERSEMBAHKAN KEBERTANGGUNGJAWAPAN

Kita komited terhadap piawaian tertinggi tataetika dalam semua perkara yang kita lakukan.

- Kita Menggunakan Aset Dengan Bertanggungjawab
- Kita Menyimpan Rekod Perniagaan yang Tepat dan Berkomunikasi dengan Tepat kepada Orang Awam
- Kita Melindungi Maklumat Sensitif dan Sulit
- Kita Mengenakan Caj Buruh dan Kos Lain dengan Tepat
- Kita Mengelakkan Konflik Kepentingan Individu
- Kita Mengelakkan Konflik Kepentingan dengan Pekerja Kerajaan
- Kita Mengelakkan Konflik Kepentingan Organisasi
- Kita Tidak Melibatkan Diri dalam Perdagangan Orang Dalam
- Kita Menggunakan Kecerdasan Buatan Dengan Bertanggungjawab





# Kita Menggunakan Aset Dengan Bertanggungjawab

## KITA MENETAPKAN PIAWAIAN

- Kita bertanggungjawab menggunakan dengan baik dan melindungi **harta benda** dan aset Syarikat dan pelanggan, dan memastikan ia digunakan dengan berkesan.
- Kita tidak melakukan pembaziran mahupun menyalahgunakan aset syarikat dan aset pelanggan.

## Kenapa Ia Penting

- Pelanggan kita mengharapkan kita melindungi sumber yang mereka amanahkan kepada kita.
- Penggunaan tanpa kebenaran aset syarikat dan maklumat pihak ketiga yang diamanahkan kepada Syarikat, boleh menimbulkan risiko kepada Syarikat dan mempengaruhi tanggungjawab kewangan kita.
- Penggunaan aset yang tidak wajar boleh mengakibatkan pelanggaran undang-undang dan kegagalan memenuhi kewajiban kontrak dan / atau penyelewengan daripada dasar syarikat; semuanya boleh memberi kesan yang tidak disengajakan kepada syarikat dan individu.

## Apakah yang Perlu Diperhatikan

- Penyalahgunaan aset Kerajaan A.S. oleh pekerja merupakan satu jenayah persekutuan.
- Aktiviti yang dibimbangi termasuk:
  - Menggunakan aset pelanggan untuk kegunaan lain selain daripada yang dibenarkan/diizinkan secara kontrak.
  - Menghantar/menyimpan/mengendalikan maklumat sensitif pada peranti berkomputer peribadi.
  - Menghantar maklumat syarikat ke alamat e-mel peribadi.
  - Menggunakan barang elektronik yang tidak diluluskan seperti kad memori untuk menyimpan data dalam aset syarikat / pelanggan.
  - Penggunaan peribadi aset syarikat.
  - Penggunaan peribadi kad kredit syarikat anda.



- **Kita mesti menyenggarakan aset dengan cermat, berwaspada tentang pembaziran dan penyalahgunaan, dan tidak sekali-kali meminjam atau mengeluarkan aset tersebut dari kemudahan syarikat atau pelanggan tanpa kebenaran.**

**Harta Benda:** Ini termasuk sistem atau alat komunikasi elektronik, sumber maklumat, bahan, kemudahan dan peralatan.

## Dasar Utama

- CPS-007 Penggunaan Peribadi Aset Lockheed Martin
- CPS-037 Penggunaan Wajar Sumber Pengkomputeran dan Maklumat
- CRX-014 Konflik Kepentingan Individu
- CRX-156 Pembelian Kad (P-Card)
- CRX-253 Media Sosial
- CRX-303 Pemesejan Elektronik
- CRX-325 Perjalanan Perniagaan
- CRX-327 Kad Komersial
- TVL-001 Buku Panduan Perjalanan Perniagaan



# Kita Menyimpan Rekod Perniagaan yang Tepat dan Berkomunikasi dengan Tepat kepada Orang Awam

## KITA MENETAPKAN PIAWAIAN

- Kita menyediakan semua rekod perniagaan dan kewangan secara jujur dan tepat.
- Kita menjalankan urusan perniagaan secara telus di samping tidak berkompromi tentang maklumat hak milik atau sulit.
- Kita tidak sesekali memberikan gambaran yang salah atau memalsukan rekod.
- Kita mencatatkan semua urusan niaga perniagaan dengan segera dan tepat dalam buku dan rekod perniagaan kita.
- Kita mempunyai kewajipan kepada orang ramai dan pemegang saham kita untuk membuat pendedahan awam yang tepat.

## Kenapa Ia Penting

- Pelanggan dan pelabur kita mengharapkan kita mengekalkan integriti rekod kita.
- Proses perniagaan kita yang rumit menuntut kita semua bergantung pada ketepatan data yang kita sediakan kepada satu sama lain untuk melayani pelanggan kita
- Menyimpan rekod yang tepat sangat penting untuk merekod dan melaporkan transaksi kewangan dengan tepat dan memenuhi tanggungjawab undang-undang dan kawal selia kita sebagai syarikat awam.
- Kepercayaan dan keyakinan pelabur dan masyarakat adalah penting, dan pelabur kita bergantung pada ketepatan **pendedahan awam**.

## Apakah yang Perlu Diperhatikan

- Input anda penting. Setiap rekod perniagaan yang anda berikan membantu kita menyediakan pendedahan yang tepat kepada semua agensi kerajaan dan kawal selia.
- Berhati-hatilah dengan sebarang maklumat hak milik atau sulit yang termasuk dalam apa-apa jenis pendedahan awam, termasuk komunikasi luaran.
- Anda mesti mencatatkan semua kos, termasuk buruh, perjalanan, bahan dan apa-apa perbelanjaan lain dengan betul.
- Jika anda menyediakan rekod perniagaan atau kewangan atau komunikasi awam bagi pihak Syarikat, anda mesti memastikan bahawa semua maklumat yang terdapat di dalamnya lengkap, adil, tepat pada masa, tepat dan boleh difahami.


*Aktiviti-aktiviti ini bukan sahaja melanggar dasar, tetapi juga mungkin menyalahi undang-undang.*

- Maklumat harga yang tidak tepat dimasukkan dalam kertas cadangan yang diserahkan.
- Pelaporan yang tidak tepat tentang perbelanjaan perjalanan perniagaan.
- Mengenakan caj buruh yang tidak tepat.

## Dasar Utama

- CPS-011 Pengurusan Kawalan Dalaman dan Risiko Perusahaan
- CPS-020 Pendedahan yang Adil tentang Maklumat Material dan Maklumat Kewangan kepada Komuniti Pelaburan dan Pihak Awam
- CPS-201 Pengeluaran Maklumat
- CPS-730 Pematuhan terhadap Undang-undang Anti-Rasuah
- CRX-011 Perunding Pembangunan Perniagaan Antarabangsa

**Pendedahan awam:** termasuk laporan atau dokumen yang difailkan dengan Suruhanjaya Sekuriti dan Bursa A.S. dan pihak berkuasa kawal selia lain serta komunikasi awam lain yang dibuat oleh Syarikat, termasuk pembentangan luaran.



**Adakah anda tahu?**

Rekod perniagaan ANDA adalah rekod perniagaan KITA dan Majlis Kawal Selia Perolehan Persekutuan A.S. memantau keperluan pelaporan kita sebagai kontraktor pertahanan.

# Kita Melindungi Maklumat Sensitif dan Sulit

## KITA MENETAPKAN PIAWAIAN

- Kita mengguna, menyimpan dan melindungi **Maklumat Sensitif** sesuai dengan keperluan yang terpakai.
- Kita mendapatkan kebenaran yang wajar sebelum mendedahkan atau menerima sebarang Maklumat Sensitif.
- Kita memastikan bahawa semua penerima maklumat sulit, termasuk kita, mempunyai pelepasan keselamatan yang wajar dan "perlu tahu".
- Kita menggunakan media sosial dengan bertanggungjawab dan berhati-hati untuk tidak berkongsi maklumat sensitif dalam forum yang tidak dibenarkan.

## Kenapa Ia Penting

- Kita menjana, mendapatkan, dan mengakses jumlah maklumat bernilai yang besar setiap hari. Maklumat ini memberi kita dan pelanggan kita kelebihan dalam perniagaan, teknologi, dan ekonomi. Dalam sesetengah kes, ia juga memberi kesan kepada kepentingan keselamatan nasional.
- Walau hanya satu kesilapan pengendalian maklumat, ia boleh merosakkan reputasi kita, dan juga pelanggan, rakan kongsi dan negara yang kita diami.

## Apakah yang Perlu Diperhatikan

- Pastikan anda memperoleh **kebenaran yang wajar** sebelum menerbitkan atau membuat pembentangan luaran tentang Lockheed Martin atau pelanggan atau rakan kongsinya.
- Di mana juga kita menjalankan perniagaan, akan terdapat undang-undang dan peraturan tertentu negara itu yang mengawal selia isu import/eksport dan keperluan pengendalian dan perlindungan maklumat yang unik.

- Apabila menggunakan media sosial, pastikan anda lebih berhati-hati untuk melindungi maklumat tentang Syarikat, rakan sekerja anda, pelanggan dan diri anda sendiri.
- Keperluan perlindungan maklumat berkekalan walaupun selepas tempoh pekerjaan atau keterlibatan anda dengan Syarikat telah tamat.


## Dasar Utama

- CPS-201 Pengeluaran Maklumat
- CPS-310 Kawalan Perdagangan dan Pematuhan Antarabangsa
- CPS-569 Keselamatan
- CRX-002 Hak Harta Intelektual
- CRX-013 Maklumat Kerajaan dan Pesaing
- CRX-015 Perlindungan Maklumat Sensitif
- CRX-016 Privasi - Amerika Syarikat
- CRX-017 Perlindungan Data Peribadi - Bukan A.S.
- CRX-253 Media Sosial
- CRX-303 Pemesejan Elektronik

- **Keselamatan Data bermula dengan kita. Kita perlu faham bahawa kesensitifan data yang kita gunakan dan peranan kita untuk memastikan ia selamat.**

**Maklumat Sensitif:** Maklumat dalam mana-mana atau semua kategori ini: Maklumat Peribadi (A.S.), Data Peribadi (Bukan A.S.), Maklumat Terkawal Eksport, Maklumat Hak Milik Lockheed Martin, dan Maklumat Hak Milik Pihak Ketiga.

**Kebebasan yang Wajar:** Pekerja A.S. hendaklah melayari alat PIRA (Alat Maklumat Pelepasan Maklumat Awam - "Public Information Release Information Tool") di (<https://pira.us.lmco.com/pira/>). Pekerja bukan A.S. perlu menghubungi Komunikasi untuk mendapatkan orang yang sewajarnya yang perlu dihubungi bagi menyemak bahan-bahan mereka.



*Kita menemui Maklumat Sensitif di kemudahan kita atau di lokasi pelanggan kita, bekerja dari rumah atau di lokasi awam apabila bekerja secara jarak jauh. Tidak kira di mana anda bekerja pada sesuatu masa, perlu ingat untuk berhenti dan berfikir apabila mengendalikan Maklumat Sensitif.*

# Kita Mengenakan Caj Buruh dan Kos Lain dengan Tepat

## KITA MENETAPKAN PIAWAIAN

- Kita mematuhi dasar dan prosedur perekodan buruh dalam pengkhususan perniagaan di mana sahaja kita bekerja.
- Kita mengira semua kos, termasuk buruh, perjalanan, bahan dan kos-kos lain dengan betul.

## Kenapa Ia Penting

- Mengenakan masa yang tidak tepat pada kontrak pelanggan boleh dikira sebagai satu penipuan.

## Apakah yang Perlu Diperhatikan

- Anda dipertanggungjawabkan untuk memastikan caj buruh yang anda kenakan adalah tepat dan anda mencatatkan masa anda dengan betul.
- Penggunaan alat kerjasama dalam talian dan internet secara berlebihan untuk tujuan bukan kerja boleh membawa kepada kesalahan mengenakan caj buruh.
- Tindakan ini bukan sahaja melanggar dasar, tetapi juga mungkin menyalahi undang-undang:
  - Mengenakan caj yang salah atau memalsukan rekod penjagaan masa
  - Mengenakan caj pada akaun atau objektif kos secara salah
  - membenarkan pengenaan caj yang salah
  - Memindahkan **kos** ke akaun yang tidak wajar



- **Perkara kecil juga penting; perhatikan berapa banyak masa yang anda habiskan untuk aktiviti tidak berkaitan dengan kerja dan ambil kira tentang masa itu dengan tepat.**

## Dasar Utama

- CMS-505 Perekodan dan Pengesahan Kos Buruh Langsung
- CPS-011 Pengurusan Kawalan Dalaman dan Risiko Perusahaan
- CPS-441 Penganggaran Kos/Penentuan Harga
- CPS-730 Pematuhan terhadap Undang-undang Anti-Rasuah
- CRX-325 Perjalanan Perniagaan
- CRX-327 Kad Komersial

Adakah anda tahu?

Pelanggaran amalan mengenakan caj buruh adalah salah satu kes dakwaan etika yang paling kerap di Lockheed Martin.

**Kos-kos:** Kos ini termasuk, tetapi tidak terhad kepada, kerja kontrak biasa, pekerjaan yang berkaitan dengan kerja dan pembangunan penyelidikan kontrak biasa dan aktiviti pembidaan dan cadangan. Ini bermakna bahawa urus niaga antara Syarikat dan individu luar dan organisasi diambil kira dan dilaksanakan menurut amalan dan prinsip perakaunan yang diterima umum di Amerika Syarikat, dan di negara-negara di mana kita menjalankan perniagaan.



# Kita Mengelakkan Konflik Kepentingan Individu

## KITA MENETAPKAN PIAWAIAN

- Kita bersikap adil dan saksama dalam semua urusan perniagaan kita.
- Kita meletakkan kepentingan Lockheed Martin mengatasi kepentingan peribadi dalam perkara berkaitan dengan perniagaan Syarikat .
- Kita mengelakkan konflik kepentingan sebenar serta aktiviti yang mewujudkan penampilan sepertinya.
- Kita tidak menggunakan kenalan atau kedudukan kita dalam Syarikat untuk melanjutkan kepentingan orang luar atau peribadi.
- Kita tidak menggunakan harta, maklumat atau peluang Syarikat untuk manfaat peribadi.
- Kita menyerahkan pendedahan bertulis bagi konflik kepentingan yang sebenar atau berpotensi sebaik sahaja kita menyedari kewujudannya.

## Kenapa Ia Penting

- Menjadi sifat manusia untuk berfikir bahawa kita dapat mengimbangkan pelbagai kepentingan pada masa yang sama. Kita mungkin tidak menyedari bahawa kesetiaan kita mungkin terbahagi. Oleh sebab itu kita menumpukan kepada pendedahan kemungkinan konflik kepentingan - supaya kita boleh mendapatkan penilaian yang bebas serta objektif dan mengambil tindakan pengurangan yang sewajarnya.



## Konflik Kepentingan Rangkaian



# Selamat datang ke Alat Rangkaian Konflik Kepentingan (Conflict of Interest Network - COIN)



**Dedahkan COI**



**Bantuan & Panduan  
(CRX-014)**

## Dasar Utama

- CPS-008 Hadiah, Keraian, Sumbangan-sumbangan Tanda Penghargaan Perniagaan dan Tajaan
- CPS-730 Pematuhan terhadap Undang-undang Anti-Rasuah
- CRX-011 Perunding Pembangunan Perniagaan Antarabangsa
- CRX-013 Maklumat Kerajaan dan Pesaing
- CRX-014 Konflik Kepentingan Individu

## Dasar Konflik Kepentingan kita meliputi banyak situasi, termasuk:

- Memiliki atau mempunyai kepentingan ketara dalam syarikat yang juga menjadi pelanggan, pesaing atau pembekal kita.
- Menjalankan perniagaan dengan syarikat yang dimiliki atau dikendalikan oleh pekerja Lockheed Martin atau keluarga mereka.
- Hubungan keluarga dengan orang yang diambil bekerja oleh pembekal atau pesaing.
- Penerimaan hadiah, bayaran atau perkhidmatan daripada pihak yang ingin menjalankan perniagaan dengan Lockheed Martin.
- Di luar kepentingan perniagaan.
- Bertindak sebagai perunding bebas kepada pelanggan atau pembekal Lockheed Martin.
- Menggunakan aset untuk manfaat peribadi.
- Menjalin hubungan rapat, hubungan peribadi dengan pekerja subordinat.

# Kita Mengelakkan Konflik Kepentingan dengan Pekerja Kerajaan

## KITA MENETAPKAN PIAWAIAN

- Kita mengelakkan konflik kepentingan yang berkait dengan pengambilan pekerja atau mendapatkan perkhidmatan pekerja kerajaan atau bekas pekerja kerajaan termasuk kakitangan tentera.
- Kita mematuhi semua undang-undang dan peraturan yang meliputi pengambilan pekerja atau mendapatkan perkhidmatan pekerja kerajaan.

## Kenapa Ia Penting

- Kejayaan berterusan kita dan keupayaan kita untuk bersaing dalam pasaran bergantung pada pemastian bahawa kita tidak mengupah atau bekerja dengan pekerja kerajaan atau bekas pekerja kerajaan dalam cara yang mewujudkan konflik kepentingan yang sebenar atau persepsi sedemikian.
- Sifat semula jadi maklumat dan kelebihan daya saing dan / atau butiran maklumat yang dimiliki individu itu sendiri boleh menimbulkan konflik.

## Apakah yang Perlu Diperhatikan

*Peraturan berkenaan pekerja kerajaan:*

- Terpakai kepada hubungan atau rundingan dengan pekerja kerajaan semasa membincangkan kemungkinan mereka diambil bekerja oleh Syarikat pada masa akan datang atau dilantik sebagai perunding atau subkontraktor.
- Mungkin menghadkan peranan dan tanggungjawab bekas pekerja kerajaan boleh lakukan bagi pihak Syarikat Korporat.
- Boleh menjadi rumit. Jangan ragu-ragu untuk mendapatkan nasihat daripada Jabatan Perundangan atau Sumber Manusia anda.



## Dasar Utama

- CPS-008 Hadiah, Keraian, Sumbangan-sumbangan Tanda Penghargaan Perniagaan dan Tajaan
- CRX-014A Konflik Kepentingan-Pekerjaan Kerajaan

*NOTA: Pekerja Kerajaan A.S. sepatutnya mempunyai pegawai etika kerajaan untuk menyemak latar belakang mereka sebelum memohon pekerjaan.*

*Semak latar belakang mereka: Pekerja Kerajaan A.S. sepatutnya mempunyai pegawai etika kerajaan untuk menyemak latar belakang mereka sebelum memohon pekerjaan. Proses ini mungkin menyebabkan surat penolakan (juga disebut surat perlucutan kelayakan) dan surat pendapat etika yang akan menjelaskan apa-apa sekatan atau larangan atas potensi pekerjaan mereka selepas pekerjaan kerajaan. Sebelum menemuduga untuk mendapatkan jawatan, Lockheed Martin menghendaki pemohon melengkapkan borang konflik kepentingan untuk disemak oleh Jabatan Undang-Undang.*

# Kita Mengelakkan Konflik Kepentingan Organisasi

## KITA MENETAPKAN PIAWAIAN

- Kita secara aktif berusaha untuk mengelakkan, meneutralkan, atau mengurangkan Konflik Kepentingan Organisasi (OCI).
- Kita berusaha untuk mencegah kelebihan persaingan yang tidak adil atau peranan yang bertentangan yang mungkin menjejaskan objektif kita.

## Kenapa Ia Penting

- Kita terlibat dalam perniagaan yang unik di mana kita menyediakan produk dan perkhidmatan kepada sebilangan pelanggan kerajaan. Ramai pekerja telah bekerja dengan beberapa wakil pelanggan di pelbagai program berbeza.
- Konflik pada satu kontrak kerajaan boleh menjejaskan keupayaan kita untuk berjaya dalam kontrak yang lain.
- Kegagalan menyaring peluang perniagaan baharu dengan tepat boleh menyebabkan perlucutan kelayakan atau kehilangan peluang.
- Dasar kita adalah bertujuan untuk mencegah kelebihan persaingan yang tidak adil dan peranan yang bertentangan yang mungkin mempengaruhi penilaian Syarikat .



## Apakah yang Perlu Diperhatikan

- Pastikan anda **melaporkan** dan menyimpan pendedahan tentang sebarang sekatan OCI dan memberitahu penyelia anda dan bakal penyelia tentang sebarang sekatan OCI.

## Dasar Utama

- CRX-014E Orang yang Mempunyai Sekatan Konflik Kepentingan Organisasi
- CRX-600 Konflik Kepentingan Organisasi

**Laporan:** Lawati CRX-600 untuk proses menyediakan surat penyaringan dan mengedar surat itu melalui Sistem Pelaporan OCI.

## Apakah itu Konflik Kepentingan Organisasi (OCI)?

*Konflik kepentingan organisasi mungkin wujud jika, disebabkan oleh aktiviti atau perhubungan lain, kita tidak dapat memberikan bantuan atau nasihat yang saksama kepada kerajaan, atau objektif kita dalam melaksanakan kontrak itu atau mungkin terganggu, atau kita mungkin memperoleh kelebihan persaingan yang tidak adil.*



# Kita Tidak Melibatkan Diri dalam Perdagangan Orang Dalam

## KITA MENETAPKAN PIAWAIAN

- Kita bukan hanya mematuhi semua undang-undang sekuriti yang terpakai, tetapi kita juga mengelakkan penampakan penyelewengan.
- Apabila memiliki bahan, maklumat bukan umum tentang Lockheed Martin atau syarikat lain:
  - Kita tidak memperdagangkan sekuriti Lockheed Martin, atau syarikat lain
  - Kita tidak berkongsi atau “tip” maklumat sedemikian kepada orang lain
  - Kita tidak mencadangkan kepada orang lain bahawa mereka harus berdagang dengan sekuriti Lockheed Martin, atau sekuriti syarikat lain, walaupun kita tidak berkongsi maklumat yang tersembunyi

## Kenapa Ia Penting

- Kepercayaan pelabur kita dan kepercayaan masyarakat kepada pasaran kewangan bergantung pada keyakinan bahawa perdagangan sekuriti adalah berdasarkan maklumat yang tersedia untuk umum.

## Apakah yang Perlu Diperhatikan

- Setiap istilah “perdagangan,” “sekuriti,” “material” dan “bukan awam” mempunyai takrifan undang-undang yang luas dan rumit. Hubungi Jabatan Perundangan jika anda mempunyai soalan tentang sesuatu yang mungkin dianggap maklumat material bukan awam atau soalan tentang perdagangan sekuriti.
- Jika semasa bertugas anda mengetahui maklumat penting yang berkaitan dengan Lockheed Martin atau pihak ketiga sebelum diketahui oleh orang awam, ada kemungkinan ia boleh dianggap sebagai maklumat material bukan awam. Menyampaikan maklumat itu kepada orang lain mungkin melanggar undang-undang, walaupun anda secara peribadi tidak memperdagangkan sebarang sekuriti berdasarkan maklumat tersebut.

## Dasar Utama

- CPS-016 Penggabungan, Pemerolehan, Penyahlaburan, Usaha Niaga dan Pelaburan
- CPS-020 Pendedahan yang Adil tentang Maklumat Material dan Maklumat Kewangan kepada Komuniti Pelaburan dan Pihak Awam
- CPS-722 Pematuhan terhadap Undang-undang Sekuriti Amerika Syarikat

**Sekuriti:** Sekuriti termasuk saham (biasa dan keutamaan), unit saham terhad, opsyen saham pekerja, bon, nota, debentur, opsyen jual atau panggilan, atau instrumen serupa.

**Perdagangan:** Perdagangan merangkumi semua transaksi dalam sekuriti, termasuk pemindahan dana atau pengalihan semula dana ke dalam atau keluar dari dana saham Lockheed Martin dalam pelan simpanan, faedah atau pampasan tertunda anda; sebarang pembelian atau penjualan saham biasa (termasuk penjualan saham yang diterima daripada unit saham terhad); sekuriti yang dianugerahkan oleh Lockheed Martin jika nilai anugerah tersebut ditentukan untuk tujuan cukai pada waktu ia diberikan; dan pelaksanaan opsyen saham pekerja. Ia juga termasuk perdagangan yang dilaksanakan menurut pesanan had, walaupun ia diletakkan sebelum anda mendapat tahu tentang maklumat material bukan awam.

**Material:** Maklumat adalah “material” jika terdapat kemungkinan besar bahawa pelabur yang waras akan menganggap maklumat itu penting dalam membuat keputusan untuk menjalankan perdagangan sekuriti. Kedua-dua maklumat positif dan negatif boleh menjadi “material.”



**Bukan Awam:** Maklumat dianggap “bukan awam” sehingga ia tersebar luas. Ini bermakna bahawa maklumat itu telah disiarkan di dalam berita atau dikeluarkan dalam bentuk pengumuman rasmi dan tempoh masa yang cukup sudah berlangsung di pasaran terbuka, secara persendirian, atau syarikat merancang untuk maklumat itu disebarkan oleh orang ramai (biasanya, pada hari perniagaan seterusnya)

*Kita semua, sama ada kita memiliki saham Lockheed Martin atau tidak, perlu mengetahui tentang Perdagangan Orang Dalam kerana kita masih boleh memberi petunjuk kepada orang lain, atau berdagang saham syarikat lain, berdasarkan maklumat yang dipelajari di tempat kerja.*

# Kita Menggunakan Kecerdasan Buatan Dengan Bertanggungjawab

## KITA MENETAPKAN PIAWAIAN

Kita komited untuk mendapatkan manfaat Kecerdasan Buatan (AI) sambil memastikan perolehan, pembangunan dan penggunaan dalaman kita menurut nilai-nilai kita.

### Kenapa Ia Penting

- Kita menyedari bahawa AI mempunyai potensi keuntungan yang luar biasa bagi pelanggan dan operasi kita, dan kita berhasrat untuk menjadi peneraju industri dalam teknologi revolusi ini.


- Akses kepada data yang sangat berharga dan pengkomputeran berprestasi tinggi telah membuka peluang yang belum pernah terjadi sebelum ini dalam AI yang mengubah cara syarikat beroperasi dalam semua sektor industri.
- Kami memahami bahawa, sebagai disiplin yang berkembang pesat, mungkin terdapat risiko yang mesti dipertimbangkan dan ditangani dalam reka bentuk dan pelaksanaan sistem AI.

## Apakah yang Perlu Diperhatikan

- Jika anda terlibat dalam pembangunan, perolehan, penerahan atau penggunaan dalaman sistem AI, pastikan anda mengetahui prinsip dan konsep yang digariskan dalam *CPS-022, Pembangunan Beretika dan Penggunaan Kecerdasan Buatan*.

## Dasar Utama

- CPS-022 Pembangunan Beretika dan Penggunaan Kecerdasan Buatan



Adakah anda tahu?

Lockheed Martin adalah salah satu syarikat peneraju pertahanan pertama yang sejajar dengan panduan Jabatan Pertahanan A.S. tentang Penggunaan Beretika Kecerdasan Buatan.

# KITA MENJALANKAN PERNIAGAAN SECARA SAKSAMA

Kita memahami kepentingan misi kita dan kepercayaan yang diberikan oleh pelanggan terhadap kita.

- Kita Menghargai Persaingan yang Adil
- Kita Hormati Garis Panduan Perdagangan
- Kita Bertanggungjawab terhadap Tindakan Pihak Ketiga
- Kita Tidak Bertoleransi terhadap Rasuah dan Sogokan
- Kita Mematuhi Sepenuhnya semua Undang-Undang Anti-trust
- Kita Menerima dan Memberikan Sumbangan-sumbangan Tanda Penghargaan Perniagaan yang Sewajarnya Sahaja





# Kita Menghargai Persaingan yang Adil

## KITA MENETAPKAN PIAWAIAN

- Kita bersikap adil dalam berurusan dengan pelanggan, pembekal, **pesaing** dan pekerja.
- Kita memastikan semua komunikasi dan persembahan kepada bakal pelanggan, pembekal dan rakan kongsi adalah tepat dan sah.
- Kita melaksanakan semua kontrak menurut undang-undang, spesifikasi, dan terma dan syarat-syarat kontrak.
- Kita tidak sesekali meminta, menerima, menggunakan, menyalin atau mengedarkan sebarang maklumat yang mana Lockheed Martin tidak **berhak secara sah** ke atasnya.

## Kenapa Ia Penting

- Mengekalkan standard integriti tertinggi dalam proses perolehan kita, dan dalam pembidaan atau perundingan kontrak, adalah penting untuk ditunjukkan pada kontak, produk dan perkhidmatan semasa dan akan datang.

## Apakah yang Perlu Diperhatikan

- Tindakan ini bukan sahaja melanggar dasar, tetapi juga mungkin menyalahi undang-undang:
  - Membincangkan, menggunakan, menyalin atau menyebarkan sebarang maklumat yang tidak dibenarkan (terutamanya harga, strategi bida atau maklumat pelanggan yang diperolehi semasa pembidaan atau rundingan atau berkaitan dengan kehadiran di pameran perdagangan, kumpulan industri atau latihan) tanpa meminta panduan daripada jabatan undang-undang atau pejabat etika
  - Perbincangan atau perjanjian dengan pesaing atau rakan kongsi untuk memperuntukkan bida, kontrak, pelanggan, pasaran atau wilayah, atau menyelaraskan harga atau menghadkan pembekalan produk atau perkhidmatan
- Laporkan sebarang pertanyaan yang dibuat kepada kita yang berkaitan dengan bidaan atau aktiviti rundingan kita kepada Jabatan Perundangan.



## Dasar Utama

- CPS-009 Pengurusan Peluang Perniagaan Baharu
- CPS-441 Penganggaran Kos/Penentuan Harga
- CPS-729 Pematuhan terhadap Undang-undang Anti boikot Amerika Syarikat
- CPS-730 Pematuhan terhadap Undang-undang Anti-Rasuah
- CRX-011 Perunding Pembangunan Perniagaan Antarabangsa
- CRX-013 Maklumat Kerajaan dan Pesaing
- CRX-015 Perlindungan Maklumat Sensitif

**Pesaing:** Dalam sesetengah keadaan, unit perniagaan Lockheed Martin yang lain juga boleh menjadi pesaing.

**Berhak secara sah:** Jika anda menerima maklumat yang tidak dibenarkan, atau jika anda tidak pasti tentang hak undang-undang Syarikat untuk menggunakan atau berkongsi maklumat, jangan salin, edarkan atau menggunakan maklumat itu.

**Adakah anda tahu?**

Pendakwa raya kerajaan mungkin tidak perlu membuktikan bahawa penetapan harga atau penipuan bidaan adalah sebahagian daripada perjanjian bertulis atau dinyatakan secara formal. Keterangan mengikut keadaan, seperti corak bidaan yang mencurigakan atau laporan perjalanan dan perbelanjaan, cukup untuk didakwa.

# Kita Hormati Garis Panduan Perdagangan

## KITA MENETAPKAN PIAWAIAN


- Kita mematuhi semua undang-undang dan peraturan eksport dan import yang meliputi pemindahan data teknikal, peralatan dan teknologi tertentu antara negara.
- Kita tidak terlibat atau menyokong amalan perdagangan antarabangsa yang menyekat atau boikot yang tidak dibenarkan oleh Kerajaan A.S.
- Kita mematuhi undang-undang A.S. dan undang-undang negara di mana kita menjalankan perniagaan.

## Kenapa Ia Penting

- Pelanggaran eksport dan import, dan boikot yang tidak sah, merosakkan kepercayaan dan ketelusan yang diperlukan untuk menjalankan perniagaan yang sah dan jangka panjang.
- Pelanggan kita mengharapkan persaingan yang adil dan terbuka dalam cara kita menjalankan perniagaan di seluruh dunia dengan pesaing, pembekal dan pelanggan kita.

## Apakah yang Perlu Diperhatikan

- Sebarang permintaan bertulis atau lisan dalam bidaan dan cadangan untuk mematuhi boikot yang tidak dibenarkan oleh Kerajaan A.S. adalah bendera merah boikot dan mesti dilaporkan dengan segera kepada Majlis Undang-Undang Elemen anda, walaupun jika Lockheed Martin memutuskan untuk tidak meneruskan dengan bidaan / cadangan.
- Sekatan-sekatan ini boleh merangkumi sekatan atau embargo yang melarang Lockheed Martin daripada menjalankan aktiviti perniagaan tertentu di negara khusus, dan dengan individu dan entiti khusus. Sebagai contoh, undang-undang A.S. melarang interaksi dengan negara dan organisasi pengganas yang dikenal pasti.



## Dasar Utama

- CPS-729 Pematuhan terhadap Undang-undang Anti boikot Amerika Syarikat
- CRX-015 Perlindungan Maklumat Sensitif

**UNDANG-UNDANG DAN PERATURAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA ADALAH RUMIT. BERHATI-HATI UNTUK MENGELAKKAN WALAUPUN PELANGGARAN YANG TIDAK DISENGAJAKAN**

**Bertulis atau lisan:** Ini termasuk bahasa kontrak yang eksplisit atau lebih halus seperti, "Penjual bersetuju untuk mematuhi sepenuhnya peraturan Boikot Israel dan mengesahkan bahawa peralatan yang akan dibekalkan di bawah kontrak ini tidak berasal dari Israel..." atau "Pakar jualan hendaklah mematuhi semua peraturan dan undang-undang Negara X."

# Kita Bertanggungjawab terhadap Tindakan Pihak Ketiga

## KITA MENETAPKAN PIAWAIAN

- Kita tidak terlibat dengan pihak ketiga untuk berniaga dalam cara yang bercanggah dengan undang-undang atau dasar kita atau yang mungkin memintasi nilai dan prinsip kita.
- Kita memberi latihan kepada pihak ketiga tertentu tentang nilai-nilai beretika, dasar dan keperluan pematuhan kita.

## Kenapa Ia Penting

- Tindakan pihak ketiga yang menjalankan perniagaan bagi pihak kita boleh mempengaruhi reputasi kita.
- Tindakan tidak wajar yang dilakukan bagi pihak kita boleh menyebabkan liabiliti jenayah atau sivil terhadap Syarikat atau terhadap pekerja yang bertanggungjawab ke atas pihak ketiga.
- Kita mungkin dipertanggungjawabkan terhadap tindakan semua orang yang menjalankan perniagaan bagi pihak kita.

## Apakah yang Perlu Diperhatikan

- Pastikan semua pihak ketiga, termasuk perunding pembangunan perniagaan dan kontraktor bebas, memahami kewajiban mereka untuk bertindak mengikut undang-undang dan peraturan yang terpakai.
- Pastikan pihak ketiga yang mewakili atau bertindak bagi pihak Syarikat, pada setiap masa, bertindak mengikut kehendak Syarikat dalam menjalankan perniagaan bagi pihak Syarikat.
- Pastikan perunding, wakil dan pihak ketiga mengesahkan bahawa mereka akan mematuhi, dan bertindak mematuhi keperluan Syarikat untuk menjalankan perniagaan bagi pihak Syarikat.



- Pastikan pihak ketiga terlatih dan jelas tentang tanggungjawab, tindakan dan kepatuhan mereka pada dasar kita.

## Dasar Utama

- CPS-008 Hadiah, Keraian, Sumbangan-sumbangan Tanda Penghargaan Perniagaan dan Tajaan
- CPS-113 Pemerolehan Barangan dan Perkhidmatan
- CPS-716 Pematuhan terhadap Akta Anti Sogokan 1986
- CPS-730 Pematuhan terhadap Undang-undang Anti-Rasuah
- CPS-734 Membasmi Pemerdagangan Manusia

- CRX-010 Perunding Pembangunan Perniagaan
- CRX-011 Perunding Pembangunan Perniagaan Antarabangsa
- CRX-025 Perjanjian Kerjasama
- CRX-106 Pengurusan Subkontrak Penting
- CRX-126 Pencegahan Barangan Palsu

**KITA BERTANGGUNGJAWAB TERHADAP TINDAKAN SEMUA ORANG YANG MENJALANKAN PERNIAGAAN BAGI PIHAK KITA**



# Kita Tidak Bertoleransi terhadap Rasuah dan Sogokan

## KITA MENETAPKAN PIAWAIAN

- Kita tidak bertoleransi terhadap **suapan** dan **rasuah**.
- Kita tidak menawarkan, memberi, meminta atau menerima sebarang bentuk rasuah atau **sogokan**.
- Kita menjauhkan diri daripada sebarang urusan perniagaan yang akan melanggar undang-undang anti-rasuah atau Tatakelakuan kita, atau yang akan menimbulkan persepsi yang tidak tepat.

## Kenapa Ia Penting

- Rasuah menimbulkan persaingan yang tidak adil, meningkatkan kos dan membahayakan kualiti dan keupayaan produk dan perkhidmatan kita.
- Suapan, termasuk percubaan untuk melakukan rasuah, adalah tidak sah dan mungkin cukup untuk didakwa di bawah undang-undang A.S. dan negara lain.
- Menjalankan perniagaan di mana terdapat walaupun sedikit petunjuk ketidakpatuhan boleh menyebabkan reputasi yang tidak boleh diperbaiki dan kerugian undang-undang bagi perniagaan kita, di samping penalti dan pembatasan kewangan yang besar.

## Apakah yang Perlu Diperhatikan

- Reputasi buruk, berkait dengan pegawai kerajaan dan awam, keadaan yang boleh dipersoalkan atau luar biasa, pampasan aneh dan perakaunan atau invoice yang boleh dipersoalkan, atau kemampuan yang tidak mencukupi adalah **bendera merah**.
- Ungkapan seperti; 'itulah caranya perniagaan dijalankan di sini', 'semua orang melakukannya', 'itu yang dijangkakan untuk memenangi kontrak', atau 'ini adalah perkara biasa di negara ini' adalah juga bendera merah.
- Laporkan sebarang bendera merah ke Jabatan Undang-Undang.

## Dasar Utama

- CPS-008 Hadiah, Keraian, Sumbangan-sumbangan Tanda Penghargaan Perniagaan dan Tajaan
- CPS-021 Kewarganegaraan Korporat Yang Baik dan Menghormati Hak Asasi Manusia
- CPS-310 Kawalan Perdagangan dan Pematuhan Antarabangsa
- CPS-730 Pematuhan terhadap Undang-undang Anti-Rasuah
- CRX-011 Perunding Pembangunan Perniagaan Antarabangsa
- CRX-015 Perlindungan Maklumat Sensitif



**Suapan:** Suapan adalah secara langsung atau tidak langsung membayar, menjanjikan, memberi, menawarkan atau memberi kuasa untuk memberikan apa-apa yang bernilai kepada sesiapa sahaja dengan tujuan mempengaruhi orang tersebut untuk menyalahgunakan kedudukannya.

**Rasuah:** Rasuah adalah sebarang tingkah laku yang menyalahi undang-undang, tidak sah atau tidak wajar yang bertujuan untuk memperoleh kelebihan dan merangkumi suapan, penipuan, pemerasan, pencurian, penyalahgunaan kuasa dan pengubahan wang haram.

**Sogokan:** Sogokan adalah sebarang wang, bayaran, komisen, kredit, hadiah, ganjaran, barangan bernilai, pinjaman, hiburan, perkhidmatan atau pampasan dalam apa-apa bentuk yang diberikan, secara langsung atau tidak langsung, kepada mana-mana kontraktor utama, pekerja kontraktor utama, subkontraktor atau pekerja subkontraktor dengan tujuan untuk mendapatkan atau memberi perlakuan yang baik secara tidak wajar berhubung dengan kontrak utama dengan A.S., atau subkontrak yang berkaitan dengan kontrak utama dengan A.S.

**Bendera merah:** "Bendera merah" adalah fakta, peristiwa, atau sekumpulan keadaan, atau maklumat lain yang mungkin menunjukkan kebimbangan kepatuhan undang-undang yang berpotensi untuk perilaku perniagaan yang tidak sah atau tidak beretika, terutamanya yang berkaitan dengan amalan rasuah dan ketidakpatuhan terhadap undang-undang anti-rasuah.

# Kita Mematuhi Sepenuhnya semua Undang-Undang Anti-trust

## KITA MENETAPKAN PIAWAIAN

- Kita tidak secara sengaja memasuki aturan perniagaan yang menghapuskan atau yang tidak menggalakkan persaingan atau memberikan kita kelebihan persaingan yang tidak sepatutnya.

## Kenapa Ia Penting


- Undang-undang Anti-trust terpakai di seluruh dunia dan melindungi perdagangan dan perniagaan daripada pengehadan dan monopoli haram, atau amalan perniagaan yang tidak saksama, melindungi Lockheed Martin dan rakan perniagaan kita.

## Apakah yang Perlu Diperhatikan

- Jika anda tidak pasti sama ada satu aktiviti yang dicadangkan mematuhi undang-undang anti-trust, rujuk terlebih dahulu jabatan Undang-Undang anda.

## Dasar Utama

- CPS-720 Pematuhan terhadap Undang-undang Anti-trust



Peraturan anti-trust terpakai kepada lebih banyak perkara daripada yang anda fikirkan. Peraturan ini memerlukan anda untuk mengelakkan daripada terlibat dalam aktiviti dan perbincangan perniagaan tertentu. Contoh daripada dasar ini termasuk:

- Penetapan harga
- Memboikot pembekal atau pelanggan
- Penentuan harga yang bertujuan untuk membankrapkan pesaing
- Memperkecilkan, menyalahgambarkan atau mengganggu pesaing
- Berpakat dengan syarikat lain dalam cara yang menghasilkan kurang pilihan saingan untuk pelanggan atau untuk menghalang pesaing menghalang kemasukan ke dalam pasaran
- Suapan, sogokan atau mencuri rahsia perdagangan
- Membuat perjanjian dengan pesaing untuk membahagikan pasaran dengan memperuntukkan bida, kontrak, kawasan atau pasaran atau mengehendkan pengeluaran atau jualan produk atau siri produk
- Mengadakan syarat penjualan untuk sejenis produk atau perkhidmatan yang memerlukan suatu produk atau perkhidmatan lain dijual bersama
- Mengadakan syarat penjualan atau pembelian ke atas produk atau perkhidmatan yang memaksa penjual atau pembeli untuk tidak berniaga dengan pesaing Syarikat Korporat

# Kita Menerima dan Memberikan Sumbangan-sumbangan Tanda Penghargaan Perniagaan yang Sewajarnya Sahaja

## KITA MENETAPKAN PIAWAIAN

- Kita mengelakkan persepsi yang layanan istimewa sedang diminta, diterima atau diberi sebagai balasan untuk sumbangan-sumbangan tanda penghargaan perniagaan
- Kita memastikan bahawa sebarang sumbangan tanda penghargaan perniagaan yang ditawarkan atau diterima adalah dibenarkan di sisi undang-undang dan dasar.

## Kenapa Ia Penting

- Apabila orang bertukar hadiah atau **sumbangan-sumbangan tanda penghargaan perniagaan**, ia boleh mewujudkan persepsi bahawa sokongan telah diberikan untuk mempengaruhi pertimbangan perniagaan.
- Kita bersaing atas dasar merit produk dan perkhidmatan kita, dan tidak memberikan sumbangan-sumbangan tanda penghargaan perniagaan untuk mendapatkan kelebihan persaingan yang tidak saksama
- Kita mendapatkan produk dan perkhidmatan secara saksama dan mengelakkan penerimaan sumbangan-sumbangan tanda penghargaan perniagaan yang mungkin mengakibatkan walaupun persepsi hubungan perniagaan yang tidak sepatutnya.

## Apakah yang Perlu Diperhatikan

- Peraturan yang rumit dan had kewangan terpakai apabila berurusan dengan **Pegawai Awam**. Rujuk kepada dasar dan dapatkan panduan daripada Pejabat Etika jika anda tidak pasti sama ada suatu tindakan itu tidak wajar atau dalam had yang dibenarkan.
- Syarikat telah menetapkan garis panduan khusus untuk setiap negara di mana kita menjalankan perniagaan kita.
- Ia bukan sahaja nilai sumbangan tanda penghargaan perniagaan yang penting. Tindakan menawarkan, memberi atau menerima sebarang sumbangan tanda penghargaan

perniagaan, atau persepsi berniat untuk memperoleh kelebihan perniagaan yang tidak wajar, mungkin tidak sah atau tidak beretika.

- Sesetengah peraturan had hadiah dikira dalam satu tahun kalendar dan sesetengah yang lain bergantung pada nilai pasaran saksama bagi sumbangan tanda penghargaan yang ditawarkan atau diterima.
- Peraturan yang lebih ketat berkenaan penerimaan sumbangan-sumbangan tanda penghargaan perniagaan terpakai kepada pekerja yang bekerja dalam Pengurusan Rantais Bekalan atau terlibat dalam proses mengarahkan perniagaan atau dana ke hubungan perniagaan kita.

## Dasar Utama

- CPS-008 Hadiah, Keraian, Sumbangan-sumbangan Tanda Penghargaan Perniagaan dan Tajaan
- CPS-716 Pematuhan terhadap Akta Anti Sogokan 1986
- CPS-730 Pematuhan terhadap Undang-undang Anti-Rasuah
- CRX-011 Perunding Pembangunan Perniagaan Antarabangsa

**Sumbangan-sumbangan Tanda Penghargaan:** Sumbangan-sumbangan Tanda Penghargaan perniagaan adalah sebarang perkara bernilai yang ketara atau tidak ketara di mana nilai pasaran yang saksama tidak dibayar oleh penerima.

**Pegawai Awam:** Tidak mengira jawatannya, dibayar gaji ataupun tidak, tergolong sebagai yang berikut:

- Pegawai atau pekerja mana-mana kerajaan, jabatan, agensi, biro, pihak berkuasa atau perantaraan milik kerajaan, seperti entiti milik negara atau yang dikawal oleh negara;
- Bertindak dalam kapasiti rasmi untuk atau bagi pihak mana-mana kerajaan, jabatan, agensi, biro, pihak berkuasa atau perantara;
- Pegawai, pekerja atau orang yang bertindak bagi pihak organisasi antarabangsa yang ditaja oleh kerajaan atau pihak



## CARTA PEMUTUSAN HADIAH

Carta Pemutusan Hadiah ialah alat untuk membantu anda apabila membuat keputusan tentang tindakan yang mungkin melibatkan hadiah, keraian, sumbangan-sumbangan tanda penghargaan perniagaan dan penajaan.



awam seperti Persatuan Bangsa-bangsa Bersatu, Bank Dunia atau Kesatuan Eropah;

- Pemegang jawatan perundangan, pentadbiran, eksekutif atau kehakiman, yang dilantik ataupun dipilih;
- Calon politik, atau pegawai atau pekerja parti politik;
- Ahli keluarga Diraja; atau
- Ahli keluarga atau sebaliknya sekutu rapat dengan mana-mana daripada pihak di atas.



# KITA PRIHATIN TERHADAP PERSEKITARAN KERJA KITA

Kejayaan kita sebagai perusahaan

bergantung kepada bakat, kemahiran dan kepakaran orang kita serta kemampuan kita untuk berfungsi sebagai satu pasukan bersepadu yang erat.

- Kita Mengekalkan Persekitaran Kerja yang Selamat dan Sihat
- Kita Mengekalkan Tempat Kerja yang Bebas Dadah
- Kita Komited terhadap Keselamatan

# Kita Mengekalkan Persekitaran Kerja yang Selamat dan Sihat

## KITA MENETAPKAN PIAWAIAN

- Kita komited untuk menyediakan persekitaran kerja yang selamat dan sihat.
- Kita komited untuk beroperasi dengan cara yang melindungi alam sekitar, memulihara sumber semula jadi dan mencegah pencemaran.
- Kita berusaha untuk menaikkan budaya bersuara di mana kita menggalakkan sesiapa sahaja untuk menghubungi STOP jika mereka mengenal pasti sesuatu yang tidak selamat atau boleh membahayakan persekitaran.

## Kenapa Ia Penting

- Kebanyakan kita menghabiskan masa di tempat kerja daripada di rumah. Kita perlu mempercayai bahawa tempat kerja adalah selamat dan syarikat mengambil berat tentang kebajikan kita dan persekitaran kita.

## Apakah yang Perlu Diperhatikan

- Laporan sebarang pelanggaran terhadap amaran, prosedur dan peraturan yang disiarkan.
- Laporan segera kepada pihak pengurusan yang sesuai tentang sebarang kemalangan atau kecederaan yang berlaku semasa bekerja, atau sebarang kebimbangan persekitaran, keselamatan atau kesihatan anda.

## Dasar Utama

- CPS-015 Persekitaran, Keselamatan dan Kesihatan (ESH)
- CRX-053 Keselamatan Tempat Kerja - Mengekalkan Tempat Kerja yang Selamat dan Penuh Rasa Hormat yang Bebas daripada Ancaman dan Keganasan



Ia adalah MITOS bahawa kemalangan berlaku tiba-tiba - Penyelidikan menunjukkan bahawa lebih 99% daripada semua kemalangan boleh dicegah. Jika anda berfikir bahawa kemalangan berlaku tiba-tiba, maka apa yang membolehkan anda memandu di jalan raya, berjalan kaki di kaki lima atau tinggal di rumah anda tanpa rasa takut? Kenyataannya adalah bahawa anda mempunyai banyak kawalan terhadap keadaan di sekeliling anda.

*EHS Today - Carl Potter, CSP*



## SIFAR KETIDAKSELAMATAN



## IDEA:

- **ID (Menenal Pasti):** taksirkan situasi untuk mengenal pasti risiko keselamatan
- **E (Nilaiikan):**menentukan tindakan terbaik untuk menangani risiko
- **A (Tindakan):** sampaikan atau laporkan kebimbangan keselamatan kepada rakan sekerja atau ketua anda, dan kurangkan risiko

# Kita Mengekalkan Tempat Kerja yang Bebas Dadah

## KITA MENETAPKAN PIAWAIAN


- Lockheed Martin tidak akan secara sengaja menggaji atau menggaji semula individu yang memiliki, menggunakan, menjual, membuat, memindahkan, atau mengedar dadah yang tidak sah.
- Kita melarang pemilikan, penggunaan, penjualan, pengeluaran, pemindahan, perdagangan haram, atau berada di bawah pengaruh dadah, atau penyalahgunaan dadah yang dibenarkan, di tempat kerja atau semasa berurus niaga bagi pihak Syarikat Korporat.
- Kita melarang berkeadaan mabuk di bawah pengaruh minuman beralkohol di tempat kerja atau semasa berurus niaga bagi pihak Syarikat Korporat.
- Kita mematuhi Akta Tempat Kerja Bebas Dadah tahun 1988 dan undang-undang dan peraturan persekutuan, negeri, dan tempatan berkenaan pelanggaran undang-undang jenayah dadah di tempat kerja

## Kenapa Ia Penting

- Penggunaan bahan haram boleh membawa kesan yang negatif kepada keupayaan anda untuk melakukan kerja dengan selamat, kekal produktif dan mendapat atau mengekalkan pelepasan keselamatan atau pekerjaan berterusan.

Adakah anda tahu?

Untuk tujuan dasar kita, "berada di bawah pengaruh" tidak semestinya bermakna mengatasi had undang-undang.



## Apakah yang Perlu Diperhatikan

- Sebagai kontraktor persekutuan A.S., Lockheed Martin dikehendaki untuk mengekalkan tempat kerja yang bebas dadah. Di Amerika Syarikat, inisiatif negeri dan tempatan untuk menghalalkan ganja bagi tujuan perubatan atau rekreasi tidak mengubah syarat ini.
- Jika anda atau rakan sekerja mempunyai masalah kebergantungan kepada dadah atau alkohol, manfaatkan sumber syarikat untuk mendapatkan bantuan.

## Dasar Utama

- CRX-525 Persekitaran yang Bebas daripada Tembakau dan Rokok
- CRX-545 Tempat Kerja yang Bebas Dadah

- **Penyalahgunaan bahan-bahan ini boleh membahayakan semua pekerja, merosakkan semangat, menurunkan produktiviti, mempengaruhi keselamatan produk/perkhidmatan kita dan merosakkan imej awam organisasi.**



# Kita Komited terhadap Keselamatan

## KITA MENETAPKAN PIAWAIAN

- Kita melindungi warga, operasi dan aset kita.
- Kita mengambil tindakan untuk mengurangkan ancaman kepada keselamatan pekerja.
- Kita melindungi semua bahan sulit dan maklumat lain yang diamanahkan kepada kita dengan sepatutnya.
- Kita mematuhi dan cuba menjangkau keperluan dasar keselamatan pelanggan dan nasional.
- Kita mengekalkan program pengesanan risikan balas dan ancaman orang dalam.
- Kita menggunakan proses penyiasatan keselamatan yang menyeluruh dan objektif

## Kenapa Ia Penting

- Pematuhan keselamatan memanfaatkan Syarikat, pelanggan, keselamatan nasional dan kestabilan global kita.
- Mematuhi syarat keselamatan menyokong prestasi kontrak dan membolehkan produk dan perkhidmatan kita disalurkan tanpa kompromi.
- Program keselamatan yang kukuh memastikan tenaga kerja kita beroperasi dalam persekitaran yang selamat.
- Lockheed Martin adalah sasaran utama bagi sejumlah pelaku ancaman yang ingin mendapatkan maklumat atau merosakkan atau menghancurkan kemampuan kita.

● **Komitmen kita menyokong keselamatan pekerja, pelanggan dan rakan perniagaan kita.** ●



## Apakah yang Perlu Diperhatikan

- Anda mungkin orang pertama yang menyedari perubahan dalam tingkah laku rakan sekerja, atau aktiviti yang mencurigakan atau di luar kebiasaan, seperti pertanyaan atau permintaan maklumat daripada sumber luaran tentang orang syarikat, kemudahan, operasi, program atau produk. Terpujang kepada anda untuk melaporkan.
- Pastikan sebarang akses kepada maklumat atau aset yang tidak dibenarkan dilaporkan.
- Ancaman keselamatan e-mel boleh merangkumi rujukan untuk menipu anda bagi menganggapnya berasal dari sumber yang sah.

## Dasar Utama

- CPS-569 Keselamatan
- CRX-052 Pengurusan Krisis
- CRX-053 Keselamatan Tempat Kerja - Mengekalkan Tempat Kerja yang Selamat dan Penuh Rasa Hormat yang Bebas daripada Ancaman dan Keganasan
- CRX-055 Perjalanan atau Penugasan ke Lokasi Berisiko Tinggi
- CRX-056 Operasi Keselamatan Antarabangsa
- CRX-057 Prosedur LMSecurity
- CRX-059 Program Pengesanan Ancaman Orang Dalam

# KITA MENDORONG KEWARGANEGARAAN KORPORAT YANG BAIK

Kita berusaha untuk menjadi warganegara yang baik dan bertanggungjawab terhadap tindakan kita.

- Kita Komited pada Kelestarian dan Kewarganegaraan Korporat yang Bertanggungjawab
- Kita Menghormati Hak Asasi Manusia
- Kita Menyokong Proses Politik



# Kita Komited pada Kelestarian dan Kewarganegaraan Korporat yang Bertanggungjawab

## KITA MENETAPKAN PIAWAIAN

- Kita berusaha untuk memaksimumkan kesan positif produk dan perkhidmatan kita terhadap alam sekitar, ekonomi, pembangunan masyarakat dan kekukuhan infrastruktur.
- Kita berusaha untuk mengelakkan dan meminimumkan sebarang kesan negatif dari aktiviti perniagaan dan keputusan kita terhadap persekitaran, masyarakat dan pekerja kita.
- Kita komited untuk beroperasi dengan cara yang melindungi alam sekitar, memulihara sumber semula jadi dan mencegah pencemaran.

## Kenapa Ia Penting

- Komitmen ini memastikan daya saing jangka panjang perniagaan kita.
- Prestasi kelestarian kita meningkatkan hubungan dan kualiti pelanggan, mengurangkan kos dan risiko, dan mendorong inovasi.

## Dasar Utama

- CPS-021 Kewarganegaraan Korporat Yang Baik dan Menghormati Hak Asasi Manusia
- CPS-803 Kelestarian



● **Dasar, prosedur dan amalan global kita membayangkan komitmen kukuh kita terhadap kewarganegaraan korporat yang bertanggungjawab.** ●

**Adakah anda tahu?**

Kewarganegaraan korporat yang bertanggungjawab adalah sebahagian daripada strategi perniagaan, yang membentuk misi dan pilihan kita.



# Kita Menghormati Hak Asasi Manusia

## KITA MENETAPKAN PIAWAIAN

- Kita percaya bahawa menghormati hak asasi manusia adalah elemen penting untuk menjadi warga korporat yang terbaik.
- Kita menyedari kepentingan hak asasi manusia di seluruh dunia, termasuk:
  - melayan pekerja dengan hormat, memperjuangkan kepelbagaian dan inklusif
  - mempromosikan pekerjaan dan amalan upah & jam kerja yang adil
  - memberikan upah yang adil dan kompetitif
  - melarang gangguan, pembulian, diskriminasi, penggunaan buruh kanak-kanak atau buruh paksa, atau pemerdagangan manusia untuk sebarang tujuan.
- Kita menghormati hak pekerja untuk menggunakan hak mereka untuk bebas berpersatuan dan memilih atau tidak memilih perwakilan perundingan bersama.
- Kita komited untuk memastikan pekerja dan pembekal kita mengambil langkah-langkah yang wajar untuk memastikan penghormatan terhadap hak asasi manusia dalam perniagaan dan rantaian bekalan kita.
- Kita mematuhi peraturan hak asasi manusia dalam hubungan kita dengan pihak berkepentingan dan melalui produk dan perkhidmatan kita.

## Kenapa Ia Penting

- Melindungi dan memajukan hak asasi manusia:
  - mengekalkan komitmen kita terhadap integriti dan nilai teras kita
  - mendorong kepuasan dan produktiviti pekerja
  - meningkatkan persaingan bagi perniagaan kita
- Pemerdagangan orang dan penghambaan adalah isu di seluruh dunia, dan jika kita tidak berhati-hati, kita mungkin secara tidak sengaja terlibat dengan pihak ketiga yang melanggar prinsip ini.



## Apakah yang Perlu Diperhatikan

- Tingkah laku atau aktiviti mencurigakan mungkin menunjukkan terdapat pelanggaran hak asasi manusia.

- CRX-515 Kumpulan Sumber Perniagaan dan Rangkaian Pekerja

## Dasar Utama

- CPS-001 Etika dan Amalan Perniagaan
- CPS-003 Tanpa Diskriminasi dan Peluang Pekerjaan Saksama
- CPS-021 Kewarganegaraan Korporat Yang Baik dan Menghormati Hak Asasi Manusia
- CPS-730 Pematuhan terhadap Undang-undang Anti-Rasuah
- CPS-734 Membasmi Pemerdagangan Manusia
- CPS-803 Kelestarian

**Adakah anda tahu?**

Terdapat lebih ramai orang berada dalam penghambaan pada hari ini berbanding masa-masa lain dalam sejarah global, dan pemerdagangan manusia adalah aktiviti jenayah kedua terbesar di dunia.

# Kita Menyokong Proses Politik

## KITA MENETAPKAN PIAWAIAN

- Kita menurut dasar korporat dan undang-undang berkenaan proses politik di semua negara dimana kita berniaga.
- Kita mendukung semua undang-undang tersirat dan tersurat berkenaan dengan penyertaan kita dalam proses politik.

## Kenapa Ia Penting

- Undang-undang berkenaan sumbangan politik, hadiah dan melobi amat rumit.
- Pelanggaran yang walaupun tidak sengaja boleh mengakibatkan kehilangan peluang perniagaan, kerosakan kepada reputasi kita dan penalti sivil dan jenayah.

## Apakah yang Perlu Diperhatikan

*Pekerja perlu memerhatikan tindakan yang:*

### ■ TERLARANG

- Penggunaan dana, aset atau kemudahan Lockheed Martin untuk manfaat parti politik atau calon politik di mana-mana di dunia tanpa kebenaran bertulis terlebih dahulu daripada Hal Ehwal Kerajaan atau Lockheed Martin International untuk aktiviti politik di luar Amerika Syarikat
- Banyak negara, di samping Amerika Syarikat, mungkin melarang sumbangan politik dari syarikat. Ini mungkin merangkumi sumbangan dana, barangan atau

perkhidmatan syarikat, secara langsung ataupun tidak, kepada calon politik, termasuk menerusi masa kerja perunding atau pekerja.

- Undang-undang tempatan dan negara mungkin mengehendkan sumbangan dan aktiviti politik syarikat.

### ■ SENTIASA BERWASPADA

*Hubungi Hal Ehwal Kerajaan atau Lockheed Martin International (untuk aktiviti politik di luar Amerika Syarikat) untuk mana-mana daripada isu yang berikut:*

- Jawatan Awam — Konflik kepentingan boleh berlaku jika anda bertanding untuk atau memegang jawatan awam, atau berkhidmat dengan suruhanjaya atau kumpulan penasihat.
- Melobi - Melobi boleh dilakukan secara langsung ataupun tidak, tetapi apa juga caranya, ia dipantau dengan teliti. Anda mesti mematuhi semua undang-undang dan peraturan yang terpakai, terutamanya mengelakkan pelanggaran - walaupun ia tidak sengaja - dasar korporat dan peraturan persekutuan berkenaan dengan pemberian hadiah dan melobi.
- Cabang Kongres dan Eksekutif A.S. - Ia penting bahawa Lockheed Martin menampilkan hanya satu mesej perniagaan yang konsisten kepada masyarakat pelanggan kita yang berpusat di A.S. Hal Ehwal Kerajaan bekerja dengan pelbagai bidang perniagaan untuk membangunkan pendekatan bersepadu Syarikat Korporat bagi inisiatif dan dasar pemasaran yang berpusat di A.S., serta strategi dasar, peraturan dan undang-undang. Atas sebab ini, Hal Ehwal Kerajaan mesti meluluskan sebarang jenis interaksi dengan ahli Kongres atau pegawai Cabang Eksekutif A.S. di Washington, D.C. atau pekerja dan kakitangan mereka.
- Kerajaan Negeri dan Tempatan - Hal Ehwal Kerajaan mesti meluluskan sebarang jenis interaksi dengan pegawai kerajaan negeri dan tempatan bagi pihak Lockheed Martin.
- Kerajaan Bukan A.S. - Anda mesti memahami dan mematuhi dasar dan prosedur korporat sebelum menghubungi mana-mana ahli atau pekerja entiti bukan A.S.
- Sumbangan Politik Individu - Sesetengah undang-undang negeri dan tempatan mungkin menyekat, mengehendkan atau memerlukan pendedahan sumbangan politik peribadi



yang dibuat oleh pekerja individu atau ahli keluarga terdekat mereka.

### ■ DIBENARKAN

Anda digalakkan untuk:

- Turut serta dalam Jawatankuasa Tindakan Politik Pekerja Lockheed Martin, jika anda layak.
- Turut serta secara peribadi dalam hal ehwal sivil dan proses politik menggunakan masa anda sendiri, dan dengan menggunakan wang anda sendiri.
- Sokong parti dan calon politik yang anda pilih.

## Dasar Utama


- CPS-004 Aktiviti Politik
- CPS-005 Operasi Antarabangsa
- CPS-008 Hadiah, Keraian, Sumbangan-sumbangan Tanda Penghargaan Perniagaan dan Tajaan
- CPS-045 Hal Ehwal Kerajaan
- CPS-730 Pematuhan terhadap Undang-undang Anti-Rasuah
- CRX-251 Sumbangan Amal

**Adakah anda tahu?**

Penyertaan peribadi dalam proses politik menyokong kepentingan terbaik bagi pemegang saham dan pekerja kita.

## PENERIMAAN DAN PENGIKTIRAFAN

Saya mengakui bahawa saya telah menerima salinan peribadi *Penetapan Piawaian* saya, Kod Etika dan Tata Amalan Perniagaan Lockheed Martin dan saya telah membaca, memahami dan akan mematuhi Kod ini. Saya faham bahawa setiap pekerja, ahli Lembaga Pengarah, perunding, pekerja buruh kontrak Lockheed Martin, atau ejen lain yang mewakili atau bertindak bagi pihak Syarikat bertanggungjawab untuk mengetahui dan mematuhi prinsip dan piawaian di dalam Kod ini. Saya juga faham bahawa pelanggaran Kod ini akan menyebabkan tindakan pembetulan, yang mungkin mengakibatkan tindakan disiplin sehingga dan termasuk diberhentikan.



Tandatangan: \_\_\_\_\_ Nama Dalam Huruf Besar: \_\_\_\_\_ Nombor Pekerja (jika berkenaan): \_\_\_\_\_

Syarikat: \_\_\_\_\_ Tarikh: \_\_\_\_\_ Lokasi \_\_\_\_\_

*Hubungi Sumber Manusia atau Pejabat Etika untuk arahan penyerahan borang ini dan penyusunan perlengkapan rekod. Jika anda bukan pekerja Lockheed Martin, hubungi orang perhubungan anda di Lockheed Martin.*



---

**LAKUKAN PERKARA BETUL** - Kita komited terhadap piawaian tertinggi tataetika dalam semua yang kita lakukan. Kita percaya bahawa kejujuran dan integriti melahirkan kepercayaan, yang merupakan tonggak perniagaan kita. Kita mematuhi undang-undang negara di mana kita menjalankan perniagaan. Kita berusaha untuk menjadi warganegara yang baik dan bertanggungjawab terhadap tindakan kita.

**HORMATI ORANG LAIN** - Kita menyedari bahawa kejayaan kita sebagai sebuah perusahaan bergantung kepada bakat, kemahiran dan kepakaran orang-orang kita dan kemampuan kita untuk berfungsi sebagai satu pasukan terintegrasi yang erat. Kita menghargai kepelbagaian kita dan percaya bahawa menghormati - rakan sekerja, pelanggan, rakan kongsi, dan semua yang berinteraksi dengan kita - adalah elemen penting bagi semua hubungan perniagaan yang positif dan produktif.

**BERPRESTASI CEMERLANG** - Kita memahami kepentingan misi kita dan kepercayaan yang diberikan oleh pelanggan terhadap kita. Dengan memahami kepentingan ini, kita berusaha untuk unggul dalam setiap aspek perniagaan kita dan mendekati setiap cabaran dengan tekad untuk berjaya. Kita bukan sahaja mengejar pencapaian tertinggi sebagai individu, tetapi juga berusaha membantu rakan-rakan pasukan kita mencapai tahap tertinggi.



ETHICS AND  
BUSINESS CONDUCT

KECEMERLANGAN MENERUSI INTEGRITI

1-800-LM ETHIC (1-800-563-8442)  
ID Pemanggil tidak digunakan

Untuk Orang yang Bermasalah Pendengaran atau Pertuturan:  
1-800-441-7457

Antarabangsa: apabila memanggil atau menghantar faks dari  
luar A.S., dail kod keluar negara asal dahulu

E-mel: [corporate.ethics@lmco.com](mailto:corporate.ethics@lmco.com)

Mel:

**Corporate Ethics Office**  
Lockheed Martin Corporation  
6801 Rockledge Drive  
Bethesda, MD 20817

